



جدوال فمباچائن خطبه جمعة سيري 5/ 2022  
(Bulan Mei Tahun 2022)

تاريخ	تاجوق	ب
6.5.2022M/ 5 Syawal 1443H	Kesinambungan Ibadah Pasca Ramadhan	1.
13.5.2022M/ 12 Syawal 1443H	Kenali Al-Quran, Kenalkan Al-Quran	2.
20.5.2022M/ 19 Syawal 1443H	Guru Tunjang Sekolah Sejahtera	3.
27.5.2022M/ 20 Syawal 1443H	Simpanan Persaraan Patuh Syariah	4.
خطبه كدوا		



فرچيتقن ديباياهي :  
زكاة فولاو فينغ  
تليفون : 04-5498088



*Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang*

1. **SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
2. **Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
3. **Ustaz Rosli bin Othman**  
Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pendidikan Islam,  
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
4. **Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
5. **Ustazah Rohayati binti Daud**  
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
6. **Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
7. **Ustaz Subki bin Mohamed**  
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
8. **Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





## GURU TUNJANG SEKOLAH SEJAHTERA

Teks Khutbah Sempena Hari Guru 2022

(20 Mei 2022M / 19 Syawal 1443H)

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ،  
يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ  
وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ  
وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib bespesan kepada diri sendiri serta para jemaah sekalian, bertakwalah sekalian kamu kepada Allah dengan melakukan segala suruhanNya dan menjauhi segala yang ditegahNya dan janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam. Selain itu, marilah kita bersama-sama menjaga kesihatan diri agar tidak mengundang kepada sebarang penularan penyakit yang berbahaya. Mudah-mudahan segala bala dan ujian yang dihadapi ketika ini segera diangkat oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Sebelum melanjutkan bicara, marilah kita berikan sepenuh tumpuan kepada isi kandungan khutbah hari ini. Sedarlah bahawasanya perbuatan



berbual-bual, bermain telefon bimbit atau tidur dengan sengaja adalah perbuatan sia-sia yang boleh menjejaskan kesempurnaan meraih ganjaran pahala. Khutbah pada hari ini ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk membicarakan khutbah yang menjadi tema sambutan hari guru pada tahun ini yang bertajuk: **“Guru Tunjang Sekolah Sejahtera.”**

## **HADIRIN SEKALIAN,**

Setiap tahun, tarikh keramat 16 Mei adalah ditetapkan sebagai tarikh Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan. Berdasarkan catatan sejarah, tarikh ini dipilih sebagai sambutan hari guru di seluruh negara kerana pada tarikh yang sama tahun 1956, Majlis Undang-undang Persekutuan Tanah Melayu telah menerima cadangan Laporan Jawatankuasa Pelajaran sebagai Dasar Pelajaran bagi negara kita. Oleh itu, dokumen tersebut dikenali sebagai Laporan Razak.

Menariknya, pada tahun ini sambutan Hari Guru disambut bersama ketibaan bulan Syawal yang penuh dengan kerahmatan dan kemuliaan setelah kita mengharungi madrasah Ramadan lalu dengan sempurna. Justeru, sambutan Hari Guru yang diraikan pada setiap tahun adalah bertujuan untuk menghargai jasa dan pengorbanan guru sebagai murabbi ummah, pewaris tugas para rasul dan *anbiya'* terdahulu.

## **Sidang Jumaat yang dirahmati oleh Allah SWT,**

Pada **ayat 11 daripada Surah Al Mujadalah** yang dibacakan pada permulaan khutbah sebentar tadi, Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** berfirman yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah sebolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.”*



Islam adalah agama yang menganjurkan kita menuntut ilmu pengetahuan dan menghormati mereka yang bergelar guru. Ini kerana, guru merupakan tulang belakang kepada pembinaan modal insan dalam pembinaan sesebuah negara yang membangun. Perayaan hari guru sewajarnya disambut dengan penuh kesedaran dan keinsafan bagi mengenang pengorbanan dan keluhuran akal budi para guru yang telah banyak berjasa kepada kita.

Masyarakat yang berilmu meletakkan guru atau pendidik sebagai insan yang mulia dan berjasa kerana merekalah yang bertanggungjawab mendidik manusia bagi melahirkan generasi muslim yang beriman dan beramal soleh serta sanggup melaksanakan tugas terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara. Malah, gelaran cikgu, ustaz, ustazah bukan sahaja diucapkan di pangkal nama ketika bertugas, malah akan diucapkan hingga ke liang lahad. Begitulah mulianya penghormatan masyarakat terhadap seorang guru.

Guru dalam sejarah hidupnya sentiasa menghargai kejayaan anak didiknya serta sanggup berkorban dan melakukan apa sahaja untuk manfaat dan kesejahteraan orang lain. Begitu mulia tugas seorang guru terungkap dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah. Sabda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

مَنْ عَلَّمَ عِلْمًا فَلَهُ أَجْرٌ مَنْ عَمِلَ بِهِ لَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الْعَامِلِ

**Maksudnya:** “Barangsiapa yang mengajarkan sesuatu ilmu maka dia akan mendapat pahala orang yang mengamalkannya tanpa mengurangi pahala orang yang mengamalkannya sedikitpun.”

Justeru, tanggungjawab mendidik bukan hanya kepada para guru di sekolah, malah juga kepada ibu dan bapa di rumah kerana orang yang paling utama atau bertanggungjawab dalam mendidik adalah ibu bapa. Untuk itu, ibu bapa adalah pendidik yang utama dan juga yang pertama dalam diri seorang manusia.



## MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Sejak negara mencapai kemerdekaan, golongan guru berperanan sebagai tunjang yang menjadi pejuang kemerdekaan dan pembangunan negara. Kini, cabaran guru adalah lebih luas dan amat mencabar. Guru bukan sahaja sebagai pendidik di bilik darjah, malah juga sebagai pembimbing dan pendorong kepada kejayaan seseorang pelajar. Mereka juga penyampai ilmu, penggerak dan penasihat. Hal ini bermaksud, guru atau pendidik mempunyai tugas dan tanggungjawab yang amat besar terutamanya ketika berhadapan dengan generasi muda pada masa kini.

Budaya menghormati guru juga haruslah disemai daripada rumah lagi. Masih ingatkah kita, ketika dahulu apabila ada dalam kalangan guru yang memberikan hukuman di sekolah akibat kesalahan pelajar, sudah pasti akan ada hukuman tambahan oleh ibu bapa pula di rumah.

Namun kini, sudah ada budaya saman menyaman di antara waris dan guru serta terdapat juga guru yang diaibkan di media sosial dengan kata-kata kesat dan keji. Natijahnya, perbuatan ini secara tidak langsung akan menjadikan para pelajar tidak lagi menghormati guru malah akan menghilangkan keberkatan kepada ilmu yang diajarkan kepada anak-anak kita di sekolah. Ilmu yang diperolehi hanya sampai di telinga dan diterjemahkan dalam kertas peperiksaan, namun tidak berupaya mengalir dan diserap hingga ke hati untuk diamalkan dalam kehidupan.

Sesungguhnya setiap dari kita sedar, gurulah yang dahulu mengajar kita mengenal A, B, C, alif, ba, ta serta mengajar mengira satu, dua, tiga, tambah, tolak, darab serta bahagi. Selain itu, mereka jugalah mengajar kita menulis. Daripada seorang yang buta huruf dan tidak tahu membaca, kini kita mampu mengenal huruf, membaca dengan baik. Di samping mengajar ilmu-ilmu yang disebutkan, guru juga yang telah mengajar kita pelbagai ilmu yang lain semasa di dalam bilik darjah.



Oleh itu, manifestasi kepada konsep ‘Sekolahku Sejahtera’ yang diperkenalkan baru-baru ini oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, merupakan suatu usaha untuk menerapkan nilai-nilai murni menerusi 14 elemen yang amat berkait rapat dengan pembinaan kemenjadian murid. Perkara ini adalah selari dengan tuntutan yang terdapat dalam sebuah hadis riwayat Ibnu Majah yang bermaksud “*Guru dan murid kedua-duanya berkongsi kebaikan, dan tidak ada lagi kebaikan pada sekalian manusia selain mereka.*”

### **SIDANG PENDENGAR YANG DIMULIAKAN,**

Sekali lagi, mimbar pada hari ini menyeru untuk kita sama-sama mengingati jasa dan pengorbanan semua guru yang telah mendidik kita. Untuk ibu dan ayah, didiklah anak-anak kita agar menghormati guru-guru yang banyak memberi jasa pada mereka. Sama ada guru itu masih hidup atau sudah kembali ke *rahmatullah*, doakanlah kesejahteraan mereka, sama ada di dunia mahupun di akhirat kelak.

Sekali seseorang itu menjadi guru kepada diri kita, selama-lamanya mereka adalah guru kita. Perkara ini bertepatan dengan sebuah hadis Riwayat at-Tirmizi;

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَأَهْلَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ حَتَّى النَّمْلَةَ فِي جُحْرِهَا وَحَتَّى الْحُوتِ لَيُصَلُّونَ عَلَى مُعَلِّمِ النَّاسِ الْخَيْرِ

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya Allah ﷻ, para Malaikat dan semua penduduk di langit dan di bumi, sehinggakan semut di sarangnya dan ikan (di lautan) pasti berselawat (mendoakan) kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia.*”

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI,**

Sebagai kesimpulan dari khutbah hari ini, perlu diinsafi bahawa selaku orang yang beriman hendaklah kita membudayakan sifat menghormati guru yang menyebarkan ilmu pengetahuan dan sentiasa mengajak orang lain



melakukan kebaikan. Marilah kita bersama-sama menghayati intipati daripada khutbah yang dibacakan tadi:

**Pertama:** Guru merupakan tugas dan warisan para Nabi dan Rasul.

**Kedua:** Sambutan hari guru yang diadakan pada setiap tahun adalah bertujuan memberikan penghargaan kepada guru yang telah banyak berjasa kepada kita.

**Ketiga:** Sentiasa menghormati dan mendoakan kebaikan kepada para guru yang mendidik kita agar keberkatan ilmu akan terhasil.

Firman Allah dalam **surah al-Kahfi ayat 109:**

قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مِدَادًا لَكَلِمَتِ رَبِّي لَنَفِدَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ تَنْفَدَ كَلِمَتُ رَبِّي وَلَوْ  
جِئْنَا بِمِثْلِهِ مَدَدًا ﴿١٠٩﴾

Maksudnya: “Katakanlah wahai Muhammad, kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah-kalimah tuhanku, walaupun kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْوَحْيَيْنِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا أَنْزَلَ عَلَيَّ سَيِّدِ الثَّقَلَيْنِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ طَاعَتَهُ لِسَعَادَةِ الدَّارَيْنِ، أَقُولُ مِنْ قَلْبِي الْحَنِينِ، وَأَسْتَغْفِرُ  
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ أَجْمَعِينَ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْمَيِّتِينَ، فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ، وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ.





# خطبة كدوا بولن مي

2022M/ 1443H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلِهِ وَآحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا  
نَفْسِهِ، وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ -  
عَلِيمًا حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاحِ  
الْمُنِيرِ، وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.  
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ  
وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ  
الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf.*

*Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami, pemuda-pemuda kami, pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara.*

*Ya Allah! Kau hindarilah kami daripada perbuatan-perbuatan khianat dan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٥﴾

